


TANAH MILIK GABUNGAN PROFESIONAL DAN USAHAWAN BUMIPUTERA ANAK SELANGOR (GIBS) DI MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, JALAN ULU YAM, SELANGOR, NO. PT 36837 SELUAS 14.189 HEKTER (35 EKAR)



GIBS telah memiliki tanah yang amat bernilai ini sejak tahun 1995. Syarat nyata tanah tersebut pada asalnya ialah taman rekreasi yang mempunyai syarat-syarat ketat daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk sebarang projek pembangunan dan sebahagiannya iaitu 30% atau 10.5 ekar terletak di zon penampakan Taman Negeri Selangor. Justeru itu, tanah tersebut kekal sebagai hutan semulajadi yang tidak dapat dibangunkan kerana syarat-syarat ketat tersebut.

Lokasi tanah ini amat strategik iaitu hanya 12 kilometer daripada Badaraya Kuala Lumpur. Keadaan alam semulajadi amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan resort. Terdapat sungai semulajadi iaitu Sungai Batu yang mengalir merentasi sebelah hadapan tanah GIBS, sumber air diatas gunung disebelah belakang tanah GIBS yang mengalir memasuki Sungai Batu dan seterusnya mengalir menuju Empangan Batu, pemandangan yang cantik dengan kehijauan hutan simpan dan gunung ganang disekelilingnya menjadikan kawasan ini suasananya amat nyaman dan tenang.

Berkat iltizam dan semangat yang jitu serta komitmen yang tinggi daripada 'Pasukan GIBS' akhirnya aset GIBS yang amat bernilai ini telah mula dibangunkan. Langkah proaktif yang bersesuaian dengan keperluan tanah tersebut untuk tujuan

pembangunan telah dilaksanakan. Pada tahun 2015 syarat nyata tanah telah ditukar kepada tapak rekreasi / perkelahan dan bangunan-bangunan yang berkaitan dengan rekreasi / perkelahan sahaja. Dengan perubahan syarat nyata ini, GIBS mula merancang dan membangunkan tanah tersebut sebagai resort.

Selepas lebih 20, akhirnya pada tahun 2016 pembangunan tanah GIBS secara berperingkat telah dimulakan. GIBS Ecotourism Resort Sdn Bhd (1251937-T) telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 19 Oktober 2017 dan ia adalah 100% milik penuh GIBS. Kini tanah GIBS yang asalnya hutan semulajadi telah bertukar wajah kepada pusat resort yang unggul di negeri Selangor dan negara. Resort ini berkonsepkan 'Kekal Sihat Bersama Alam Semulajadi' (*Stay Healthy With Nature*).

Semoga GIBS sebagai badan persatuan profesional dan usahawan yang berjaya di negeri Selangor terus berperanan bagi memperkasa dan melestarikan pembangunan ummah yang berteraskan nilai-nilai alam semulajadi yang memberi ketenangan rohani dan kesihatan fizikal kepada para pengunjung dari negeri Selangor, negara dan juga luar negara.